



The Observer

10.11.2023

❖ Risiko dan peluang daripada mempelbagaian

Baru-baru ini, Glovemakers Careplus Group Berhad (Careplus) mengumumkan penglibatannya dalam pembuatan dan pemasangan kenderaan cekap tenaga (*energy efficient vehicles, EEV*). Menurut Careplus, mereka sedang mencari peluang mempelbagaian (*diversification*) untuk menceburi perniagaan lain yang berdaya maju berikutan cabaran yang dihadapi oleh semua pemain sarung tangan utama dalam pasaran. Pasaran ini kini berada dalam 'lautan merah' (*red ocean*) yang sudah tepu dengan lebih bekalan serta harga jualan purata (*average selling price, ASP*) yang rendah.

Pada 25 Oktober 2023, Careplus, dalam EGMnya, telah menjelaskan kepada para pemegang saham sebab-sebab mereka terjun ke dalam industri kenderaan elektrik (*electric vehicles, EV*). Bagaimanapun, terdapat segelintir pihak yang meragui kemampuan Careplus. Bagaimanakah mereka akan membiayai mempelbagaiannya dalam industri yang jauh berbeza daripada pembuatan sarung tangan? Apakah kepakaran rakan kongsi baharunya itu? Namun begitu, penjelasan yang diberikan sudah tentu meyakinkan kerana 99.99% pemegang saham telah mengundi menyokong usaha mempelbagaian itu.

Pempelbagaian adalah langkah strategik yang dipilih oleh syarikat untuk memasuki sektor perniagaan baharu, yang bertujuan mengagih-agihkan risiko, merebut peluang baharu serta mencipta nilai dalam jangka panjang.

Meskipun mempelbagaian boleh menjadi strategi pertumbuhan yang ampuh, ia juga datang bersama-sama pelbagai risiko dan peluang.

Risiko mempelbagaian

1. **Risiko kewangan:** Salah satu risiko utama yang dikaitkan dengan mempelbagaian ialah risiko kewangan. Memasuki sektor baharu memerlukan pelaburan modal yang besar, yang boleh membebankan sumber kewangan syarikat. Jika usaha niaga baharu itu tidak menunjukkan prestasi seperti yang diharapkan, ia boleh menyebabkan kerugian yang berupaya menjejaskan perniagaan teras.
2. **Cabaran operasi:** Setiap industri mempunyai keperluan operasi yang unik dan peralihan ke dalam sektor baharu selalunya melibatkan keluk pembelajaran yang curam. Ketidakecakapan atau kesilapan dalam operasi boleh menyebabkan peningkatan kos sekaligus menjejaskan keuntungan syarikat.

3. **Risiko pasaran:** Keadaan pasaran berubah dengan pantas dan mempelbagaian ke dalam sektor baharu mampu mendedahkan syarikat kepada risiko pasaran yang tidak dijangka. Contohnya, kemelesetan ekonomi atau perubahan dalam pilihan pengguna boleh mendatangkan kesan negatif kepada prestasi perniagaan yang baru dipelbagaikan.
4. **Risiko jenama dan reputasi:** Reputasi sesebuah syarikat tidak ternilai harganya. Pempelbagaian ke dalam sektor yang mempunyai nilai atau pertimbangan etika yang berbeza boleh mewujudkan risiko kepada jenama syarikat jika tidak diurus dengan teliti. Persepsi negatif tentang sesebuah perniagaan boleh merebak dan menjejaskan keseluruhan jenama itu.
5. **Perselisihan Budaya:** Industri yang berbeza mungkin mempunyai budaya dan norma korporat yang berbeza. Budaya yang tidak sejajar boleh menimbulkan isu dalam integrasi, semangat bekerja dan kerja berpasukan, yang akhirnya boleh menjejaskan pelaksanaan strategi mempelbagaian itu.

Peluang daripada mempelbagaian

1. **Mengurangkan risiko:** Pempelbagaian boleh mengurangkan pergantungan syarikat terhadap satu pasaran atau industri. Ini amat penting dalam industri yang terdedah kepada turun naik berkitar. Dengan memecahkan pelaburan merentasi pelbagai sektor, sesebuah syarikat boleh mengharungi fasa kemelesetan ekonomi dengan lebih baik.
2. **Pertumbuhan pendapatan:** Pempelbagaian menawarkan peluang untuk meneroka sumber pendapatan baharu. Pendapatan ini boleh disumbangkan oleh jualan silang produk atau perkhidmatan kepada pelanggan sedia ada, memasuki pasaran baru muncul atau memanfaatkan sinergi dalam kalangan perniagaan yang dipelbagaikan.
3. **Inovasi dan pembelajaran:** Pempelbagaian ke dalam sektor baharu selalunya memerlukan sesebuah organisasi mempelajari kemahiran dan pengetahuan baharu. Proses ini boleh membawa kepada inovasi dan pembangunan keupayaan baharu yang memberikan manfaat kepada keseluruhan organisasi. Proses pembelajaran daripada industri yang berbeza boleh memupuk kreativiti dan kelebihan daya saing.
4. **Pengembangan di peringkat global:** Pempelbagaian boleh membuka peluang untuk pengembangan di peringkat global. Sesebuah syarikat boleh memanfaatkan sumber yang sedia ada seperti rangkaian pengedaran atau keupayaan rantai bekalan, untuk menembusi pasaran antarabangsa dengan lebih berkesan.
5. **Mengimbangkan portfolio:** Sesebuah syarikat boleh mengimbangi portfolio mereka bagi memastikan gabungan perniagaannya berada pada peringkat kitaran hayat yang berbeza. Walaupun sesetengah sektor mungkin sudah matang dan menjana aliran tunai yang stabil, sektor lain mungkin berada dalam fasa pertumbuhan tinggi, yang menawarkan potensi pulangan yang besar.

Strategi untuk menjayakan mempelbagaian

1. **Penyelidikan pasaran yang menyeluruh:** Sebelum melaksanakan mempelbagaian, sesebuah syarikat perlu membuat penyelidikan pasaran yang meluas bagi memahami dinamik, potensi risiko dan peluang dalam sektor baharu. Ini termasuk menilai saiz pasaran, persaingan, tingkah laku pelanggan dan faktor-faktor kawal selia.
2. **Mengenal pasti sinergi:** Carilah sektor yang mana sinerginya boleh dimanfaatkan antara perniagaan teras dan usaha niaga baharu. Ini boleh membawa kepada penjimatan kos, peluang jualan silang, seterusnya meningkatkan prestasi keseluruhan.
3. **Pengurusan risiko:** Amalan pengurusan risiko yang mantap mampu mengurangkan potensi kegagalan. Ini termasuklah pelan kontingensi kewangan, pemantauan keadaan pasaran dan strategi keluar yang jelas sekiranya prestasi usaha niaga baharu tidak menjadi seperti yang dijangka.
4. **Bakat dan kepimpinan:** Pastikan syarikat bersedia dengan bakat dan kepimpinan yang tepat untuk memacu perniagaan yang dipelbagaikan. Ini mungkin melibatkan pengambilan pakar daripada sektor baharu atau melatih pekerja sedia ada bagi merapatkan jurang pengetahuan.
5. **Menyeimbangkan portfolio:** Menyenggara portfolio perniagaan yang seimbang bagi memastikan terdapat gabungan lembu kontan (*cash cow* - perniagaan, pelaburan atau produk yang menjamin pendapatan atau keuntungan yang tetap) dengan peluang pertumbuhan. Strategi mempelbagaian ini meminimumkan kesan kitaran perniagaan dan kemelesetan ekonomi.
6. **Fleksibiliti dan kebolehsuaian:** Sesebuah syarikat perlu fleksibel dan boleh beradaptasi, bersedia untuk menyesuaikan strategi mempelbagaian mereka sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan pasaran atau peluang baharu. Ketangkasan adalah kunci kejayaan.

Pempelbagaian ialah keputusan strategik untuk syarikat-syarikat yang mencari peluang pertumbuhan dan mengurangkan risiko, tetapi ia mempunyai cabaran yang tersendiri.

Sebagai contoh, penggabungan antara Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB). Penggabungan ini akan mengisi ruang kosong MBSB dalam segmen perbankan korporat dan pelaburan.

Penggabungan ini menyaksikan dua syarikat berkaitan kerajaan (*government-linked companies, GLC*) yang dimiliki oleh dua syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*government-linked investment companies, GLIC*) iaitu PNB dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Cabaran yang dihadapi oleh penggabungan ini lebih mudah ditangani memandangkan kedua-dua organisasi yang bergabung mengamalkan budaya GLC. Bagaimanapun, GLC yang berbeza mungkin mengamalkan budaya yang berbeza, justeru penggabungan ini tidak semestinya sesuatu yang mudah dilaksanakan.

Sebaliknya, urus niaga antara Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Boustead Holdings Berhad (BHB) dan Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK) untuk memperoleh pegangan 33% dalam Boustead Plantation Berhad (BPlant) mengundang pelbagai reaksi daripada komuniti pelabur.

Kalaupun perjanjian itu berjaya dimeterai, mungkin terdapat cabaran untuk menggabungkan budaya GLC dengan budaya syarikat yang berpacuan keusahawanan, yang mana kedua-duanya mempunyai kekuatan tersendiri.

Pihak-pihak yang terlibat mungkin terlepas peluang keemasan ini kerana mereka boleh memanfaatkan kekuatan masing-masing. BPlant akan mendapat manfaat daripada kepakaran KLK dalam penanaman semula bagi menjana hasil tanaman terbaik selain KLK yang kaya dengan sumber kewangan. LTAT dan BHB sebagai pemegang saham BPlant pula turut meraih keuntungan daripada penggabungan ini.

Untuk menjayakan usaha mempelbagaian, syarikat-syarikat yang terlibat perlu menilai risiko dengan teliti dari setiap sudut, menjalankan penyelidikan pasaran yang menyeluruh serta membangunkan strategi yang dapat memanfaatkan sinergi dan inovasi. Mereka juga perlu mengambil pendekatan yang fleksibel dan yang dapat disesuaikan dalam landskap perniagaan yang sentiasa berubah-ubah.

Pempelbagaian yang berjaya mampu memacu pertumbuhan pendapatan, mengimbangkan portfolio serta meningkatkan daya saing. Ini seterusnya dapat mencipta nilai jangka panjang untuk syarikat dan pemegang kepentingannya. Walau bagaimanapun, strategi mempelbagaian yang tidak dirancang dengan baik boleh menukarkan sesebuah usaha niaga kepada '*diworsification*', bak kata Peter Lynch, yang akhirnya menjejaskan prestasi kewangan serta merosakkan reputasi jenama.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 13 hingga 17 November 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
15.11.23 (Rabu) 09.00 pagi	Key Asic Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2023 berjumlah RM20.82 juta berbanding RM13.59 juta pada tahun kewangan 2022. Pendapatan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh lonjakan permintaan untuk perkhidmatan tidak berulang yang dicatatkan pada tahun kewangan dalam tinjauan.

		Dengan pendapatan yang lebih tinggi, rugi bersihnya menyusut daripada RM8.64 juta setahun yang lalu kepada RM5.37 juta.
15.11.23 (Rabu) 11.00 pagi	Ucrest Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Ucrest meningkat 9.8% tahun ke tahun kepada RM13.56 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM12.35 juta).</p> <p>Produk utama Ucrest iaitu iMedic™ menyumbang hampir seratus peratus kepada pendapatan, manakala selebihnya diterima daripada perkhidmatan penyesuaian dan penyelenggaraan untuk platform tersebut.</p> <p>Selepas mencatatkan keuntungan dalam dua suku tahun berturut-turut pada separuh kedua tahun kewangan 2023, Kumpulan berjaya mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM0.101 juta untuk tahun tersebut, berbanding kerugian bersih sebanyak RM35.13 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
16.11.23 (Khamis) 10.00 pagi	Sime Darby Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Sime Darby daripada operasi berterusan meningkat 13.6% kepada RM48.3 bilion pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM42.5 bilion).</p> <p>Ia mencatatkan untung bersih berjumlah RM1.46 bilion pada tahun itu; keuntungan bersih tertinggi pernah dicapai sejak pengasingan segmen hartanah dan perladangan pada tahun 2017.</p> <p>Keputusan kewangan itu adalah 32% lebih tinggi daripada RM1.10 bilion pada tahun sebelumnya, disumbangkan oleh keputusan yang lebih baik daripada bahagian Perindustrian dalam pasaran Australasia, prestasi yang kukuh daripada perniagaan Automotif di Malaysia serta keuntungan daripada pelupusan aset bukan teras iaitu hartanah di Hong Kong dan syarikat-syarikat Pelabuhan Weifang.</p>
16.11.23 (Khamis) 12.30 tengah hari	Sime Darby Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk

		<p>cadangan pengambilalihan oleh Sime Darby Enterprise Sdn Bhd (SDESB), sebuah anak syarikat tidak langsung milik penuh Sime Darby Berhad (Sime Darby), ke atas kira-kira 61.18% kepentingan ekuiti dalam UMW Holdings Berhad (UMW) daripada Permodalan Nasional Berhad dan AmanahRaya Trustees Berhad untuk RM3.57 bilion atau RM5 setiap saham UMW; dan cadangan tawaran pengambilalihan mandatori untuk mengambil alih kesemua baki saham UMW yang masih belum dimiliki oleh SDESB dan Sime Darby selepas cadangan pengambilalihan itu.</p>
16.11.23 (Khamis) 10.00 pagi	Pecca Group Berhad (AGM)	<p>Pecca mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM221.3 juta pada tahun kewangan 2023, meningkat 34.6% tahun ke tahun. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada segmen automotif. Sementara itu, untung bersih meningkat sebanyak 54.9% kepada RM35.4 juta pada tahun kewangan 2023. Pertumbuhan pendapatan yang kukuh serta peningkatan dalam kecekapan kos, meningkatkan margin keuntungan bersih Pecca daripada 13.9% pada tahun kewangan 2022 kepada 16.0% pada tahun kewangan 2023.</p>
16.11.23 (Khamis) 10.00 pagi	Dialog Group Berhad (AGM)	<p>Dialog melabuhkan tirai tahun kewangan 2023 dengan peningkatan 29.43% dalam pendapatan kepada RM3.00 bilion (tahun kewangan 2022: RM2.32 bilion), manakala untung bersih meningkat sedikit kepada RM520.6 juta.</p> <p>Pada tahun itu, Dialog menyaksikan peningkatan aktiviti daripada operasi domestik dan antarabangsa.</p> <p>Operasi di Malaysia meraih manfaat daripada aktiviti hulu, manakala operasi antarabangsa melaporkan peningkatan dalam pendapatan dan untung bersih, berikutan persekitaran perniagaan yang bertambah baik.</p> <p>Usaha sama Kumpulan juga menyumbang kepada untung bersih</p>

		yang lebih tinggi pada tahun kewangan dalam tinjauan.
16.11.23 (Khamis) 10.00 pagi	Harn Len Corporation Bhd (AGM)	<p>Harn Len mencatatkan pendapatan berjumlah RM280.3 juta untuk tempoh kewangan 17 bulan berakhir 2023. Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>Earnings before interest, tax, depreciation and amortization</i>, EBITDA) untuk Segmen Perladangan kekal rendah berikutan peningkatan kos operasi perladangan, perbelanjaan pengedaran serta kadar pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah.</p> <p>Kumpulan melaporkan keuntungan operasi sebanyak RM8.2 juta pada tahun kewangan 2023. Bagaimanapun, jika dikecualikan pembalikan kerugian kredit berjumlah RM13.6 juta, Harn Len akan mencatatkan kerugian operasi pada tahun kewangan 2023.</p>
16.11.23 (Khamis) 10.30 pagi	DPI Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan DPIH pada tahun kewangan berakhir 2023 mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 2% kepada RM51.7 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM50.7 juta). Untung bersih DPIH menyusut kepada RM2.9 juta berbanding RM5.2 juta dalam tempoh yang sama sebelum ini.</p> <p>Margin untung kasar dan margin untung bersih masing-masing sebanyak 24% dan 6%, iaitu yang paling rendah dalam tempoh lima tahun kewangan yang lalu. Ia disebabkan oleh peningkatan dalam kos bahan mentah, kos pembungkusan dan caj pengangkutan.</p>
16.11.23 (Khamis) 12.00 tengah hari	DPI Holdings Berhad (EGM)	<p>DPIH berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Perubahan dan Pelanjutan Hasil daripada IPO yang tidak digunakan.</p> <p>Hasil yang diperolehi daripada IPO yang masih belum digunakan berjumlah RM13.4 juta akan diperuntukkan semula kepada perbelanjaan modal, pembangunan</p>

		produk dan pemerolehan sebuah kilang baharu dengan tempoh penggunaan yang disemak semula iaitu sehingga 7 Januari 2025.
17.11.23 (Jumaat) 10.00 pagi	RGT Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan pendapatan berjumlah RM107.3 juta pada tahun kewangan berakhir 2023. Penurunan sebanyak 12% ini disebabkan oleh kekurangan permintaan untuk produk kebersihan dalam segmen Produk Polimer Tereka Bentuk (<i>Engineered Polymer Product, EPP</i>).</p> <p>Output pengeluaran yang lebih rendah, digandingkan dengan peningkatan kos overhead tetap membawa kepada untung kasar yang lebih rendah sebanyak RM24.2 juta.</p> <p>Kumpulan melebarkan sayap perkhidmatannya sebagai Pengeluar Reka Bentuk Asal (<i>Original Design Manufacturer, ODM</i>) dengan meningkatkan keupayaan R&D dalaman bagi menawarkan perkhidmatan nilai tambah dalam reka bentuk produk merentasi pelbagai sektor. Selain itu, segmen Automasi Kilang dan Kejuruteraan Ketepatan (<i>Factory Automation and Precision Engineering, FAPE</i>) menyediakan penyelesaian automasi bersepadu bagi memenuhi keperluan industri tertentu.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Key Asic Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan telah menandatangani kontrak bernilai lebih RM70 juta sekaligus membina asas jaringan yang kukuh untuk segmen perniagaan utama ASIC iaitu perkhidmatan reka bentuk. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah jumlah tempahan pesanan semasa Kumpulan yang masih belum diselesaikan?</p> <p>b) Berapakah jumlah kontrak baharu yang diperolehi pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Bilakah kontrak yang bernilai RM70 juta yang diperolehi pada tahun kewangan 2023 dijangka diiktiraf sepenuhnya?</p>

	<p>d) Dengan kontrak baharu bernilai lebih RM70 juta yang diperoleh pada tahun kewangan 2023, serta pendapatan berjumlah RM20.8 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM13.6 juta pada tahun kewangan 2022, adakah Lembaga menjangkakan keuntungan dan pemulihan prestasi kewangan Kumpulan pada tahun kewangan 2024?</p>
Ucrest Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah membuat pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (<i>research and development, R&D</i>) terhadap percetakan 3D dan pelbagai dimensi (<i>multi-dimensional, MD</i>) untuk produk penjagaan kesihatan, pengguna, automotif dan industri. Kumpulan menjangkakan percetakan 3D atau MD akan menjadi antara penyumbang pendapatan utama. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Berapakah amaun yang telah dilaburkan oleh Kumpulan dalam R&D untuk percetakan 3D dan MD?</p> <p>b) Bilakah percetakan 3D atau MD mula menyumbang kepada pendapatan dan keuntungan Kumpulan?</p>
Sime Darby Berhad (AGM)	<p>Jualan Kenderaan Elektrik (<i>electric vehicles, EV</i>) Kumpulan meningkat kepada 17.8% (tahun kewangan 2022: 4.5%) (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023). Kumpulan bekerjasama dengan Build Your Dreams ('BYD') untuk mengedarkan EVnya dalam pasaran tempatan di Malaysia. (Halaman 28 dan 29, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Daripada 17.8% jualan EV, berapakah yang diterima dari China dan Malaysia? Berapakah unit EV Kumpulan telah dijual di Malaysia pada tahun kewangan 2023 dan sehingga kini?</p> <p>b) Bagaimanakah persaingan model EV Kumpulan berbanding jenama lain seperti Neta V atau Chery? Apakah kelebihan daya saing EV Kumpulan?</p> <p>c) Kerajaan Malaysia telah mengumumkan beberapa insentif untuk EV. Sejauh manakah insentif ini dapat membantu meningkatkan jualan EV Kumpulan pada masa hadapan?</p>
Pecca Group Berhad (AGM)	<p>Perniagaan penjagaan kesihatan menyumbang pendapatan berjumlah RM3.1 juta pada tahun kewangan 2023, merosot 81% daripada RM16.4 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2022. Melihat kelembapan yang ketara dalam permintaan terhadap pelitup muka, Kumpulan mengiktiraf kerugian rosot nilai sebanyak RM2 juta untuk mesin-mesin pengeluaran pelitup mukanya dan penurunan nilai sebanyak RM0.75 juta ke atas bahan mentah dalam inventornya. (Halaman 34, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Adakah Kumpulan menjangkakan pertambahan dalam kerugian rosot nilai dan penurunan nilai inventori pada tahun kewangan 2024?</p>

	<p>b) Nilai dibawa untuk penghutang dalam segmen penjagaan kesihatan berjumlah RM5.32 juta pada penghujung tahun kewangan 2023 (Halaman 152, Laporan Tahunan 2023). Berapakah daripada jumlah penghutang ini adalah pihak berkaitan? Berapa lamakah penghutang ini telah tertunggak?</p>
<p>Dialog Group Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan telah membuat pelaburan dalam saham disebut harga yang disenaraikan di luar Malaysia yang diklasifikasikan sebagai pelaburan bukan semasa dan semasa, masing-masing berjumlah RM38.2 juta dan RM24.7 juta. (Halaman 56, Laporan Penyata Kewangan)</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan melabur dalam saham disebut harga yang disenaraikan di luar Malaysia?</p> <p>b) Di manakah bursa tempat saham-saham disebut harga di luar Malaysia ini disenaraikan?</p> <p>c) Sektor perniagaan manakah yang dikaitkan dengan saham disebut harga yang disenaraikan di luar Malaysia?</p> <p>d) Adakah Kumpulan menerima apa-apa pendapatan dividen daripada saham disebut harga yang disenaraikan di luar Malaysia pada tahun kewangan 2023? Jika ada, berapakah jumlahnya?</p>
<p>Harn Len Corporation Bhd (AGM)</p>	<p>Pada 1 Jun 2023, Harn Len telah menyelesaikan pengambilalihan Almal Resources Sdn. Bhd. (ARSB) melalui sebuah anak syarikat milik penuhnya. Justeru, ia memiliki hak ke atas pajakan tanah perladangan di Mukim Rompin, Pahang selama 60 tahun. Tanah itu kini ditanam dengan nanas dan kelapa sawit. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah jumlah kawasan tanaman nanas setakat 31 Mei 2023?</p> <p>b) Apakah keperluan buruh untuk penanaman nanas berbanding kelapa sawit?</p> <p>c) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2024 dan apakah pecahannya?</p> <p>d) Bilakah ladang nanas ini dijangka dapat menyumbang kepada keuntungan Kumpulan?</p>
<p>DPI Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Jualan produk aerosol menyusut RM3.59 juta iaitu daripada RM42.11 juta yang direkodkan pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada RM38.52 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang lemah sepanjang tahun kewangan. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Sila huraikan lebih lanjut sebab-sebab permintaan yang rendah untuk produk aerosol. Adakah terdapat perubahan dalam pilihan pengguna akhir atau adakah</p>

	<p>Kumpulan menghadapi persekitaran pasaran yang lebih kompetitif?</p> <p>b) Adakah Kumpulan menjangkakan permintaan kembali pulih pada tahun kewangan berakhir 2024?</p>
RGT Berhad (AGM)	<p>Pada 30 Jun 2023, Kumpulan telah melaburkan kira-kira RM14.4 juta dalam perbelanjaan modal bagi meningkatkan dan menambah kapasiti serta keupayaan pengeluarannya dengan pelaburan yang dibiayai oleh gabungan dana yang dijana secara dalaman dan pinjaman bank.</p> <p>a) Segmen perniagaan Kumpulan yang manakah terlibat dalam perbelanjaan modal ini?</p> <p>b) Output pengeluaran yang lebih rendah serta penyerapan kos overhead tetap yang lebih tinggi menjadi faktor penyumbang kepada penyusutan untung kasar dan margin untung kasar (Halaman 16, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>(i) Adakah peningkatan dalam kapasiti pengeluaran akan menjejaskan lagi keuntungan dan/ atau margin keuntungan Kumpulan? Jika peningkatan kapasiti pengeluaran tidak memberikan kesan terhadap keuntungan atau margin keuntungan, sila jelaskan sebabnya.</p> <p>(ii) Apakah peranan tekanan inflasi dalam penurunan ini?</p> <p>c) Segmen perniagaan manakah yang akan menjadi tumpuan Kumpulan pada masa hadapan?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.